

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 3

RABU 3 FEBRUARI, 1965

1384 رابو 1 شوال

PERCHUMA

Selamat Hari Raya Aidil Fitri

D.Y.M.M. BERANGKAT KA-LONDON

Untuk Menghadhiri Istiadat Mengkebumikan
Mendiang Sir Winston Churchill

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka-London dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Khamis 28 Januari, 1965 untuk menghadhiri Istiadat Mengkebumikan mendiang Sir Winston Churchill.

Sir Winston Churchill, bekas Perdana Menteri British, telah meninggal dunia pada hari Ahad 24 Januari, 1965. Berita kematian-nya ada-lah di-siarkan di-muka 7.

Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies dan Pegawai Kewangan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee.

Di-antara ramai orang yang hadir di-Lapangan Terbang Berakas, Brunei untuk mengucapkan "Selamat Berangkat ka-London dan Selamat Kembali

ka-Tanah Ayer" kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Kerajaan dan


(Lihat Muka 4)

ORANG RAMAI DI-PERSILAKAN KA-ISTANA PADA MASA HARI RAYA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dengan sukachita membuka Istana Darul Hana, Brunei untuk melayani orang2 yang berkunjung ka-Istana kerana Berhari Raya, selama 4 hari mulai pada 2 Shawal, 1384 (Hari Raya Kedua) hingga ka-5 Shawal.

Masa lawatan ka-Istana pada hari2 tersebut ia-lah dari pukul 8 pagi hingga ka-pukul 12 tengah hari dan dari pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang.

BENTOK BANGUNAN LAPAU DAN DEWAN MAJLIS



Satu pemandangan bentok bangunan LAPAU DAN DEWAN MAJLIS. Bangunan yang indah ini akan di-bena oleh Kerajaan Brunei di-Ibu Kota negeri ini dengan memakan perbelanjaan sa-banyak kira2 \$6,000,000/-. Bangunan ini di-jangka akan siap pada penghujung tahun 1967. Akitek-nya ia-lah perstarikatan Booty, Edwards dan Rakan2.

Keputusan Pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah penuntut2 di-Negeri Brunei yang telah di-adakan dalam tahun 1964 ada-lah saperti berikut.

MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR BRUNEI

Abd. Ghani bin Metali (III) Abd. Latif bin Abdullah (III), Abd. Majid bin Abdullah (III), Abd. Wahid bin Hussain (III), Ahmad bin Abd. Rahman (III).

Ahmad bin Noordin (III), Ak. Daud bin P. Tengah (I), Ak. Kalong bin P. Omar (III), Ak. Md. Hassan bin P. Zainal (III), Ak. Md. Limbang bin P. Hj. Yusof (II).

Ak. Suhaimi bin P. Wahid (III), Awang bin Md. Hassan (II), Awang Mohammad bin Ag. Jambol (II), Damit bin Hj. Metussin (II), Hj. Yahya bin Hj. Ismail (III).

Hamdilah bin Abd. Wahab (I), Hasanuddin bin Ahmad Yunus (III), Ibrahim bin Abd. Rahman (II), Jasbinder Singh (I), Joseph Hiew (I).

Lee Wah Onn (III), Md. Danan bin Jaafar (I), Lim Thain Poh (I), Md. Daud bin Abd. Aziz (I), Md. Jaafar bin Abd. Aziz (III).

Md. Noeh bin Abd. Hamid (I), Md. Tamin bin Abdullah (III), Marbyn Joseph (I), Metussin bin Omar (II), Misli bin Ag. Tuah (I).

Md. Salleh bin Abd. Latif (III) Mohsin bin Chuchu (III), Mohammad bin Md. Yusof (III), Parvinder Singh (I), Puteh bin Jokin (III).

Robert Keasbarry (I), Sunny bin Md. Jair (III), Sapawi bin Bol Hassan (I), Suhaili bin Hj. Omar (III), Tahir bin Abd. Wahab (III).

Wong Teck Choon (III), Wong Teck Wan (I), Zaibidi bin Hj. Nasar (III), Anthony Ng (I), Misbak bin Hj. Md. Yusof (II).

SEKOLAH ST. ANDREW'S BANDAR BRUNEI

Ang Tiang Keng (I), Ag. Nor Hamdani bin Md. Ghariff (I), Chan Kong Seng (I), Chang Fui Ming (III).

Chang Yun Fatt (III), Chong Roland (I), Chua Kee Seng (I) Koh Lian Kiat (I).

Lee Kheng Suan (I), Lim Tiong Ann (Whitty) (III), Ling Yung Sing (I), Nawawi bin Abang Razali (II).

Tan Mok Chew (III), Teen Khin Yung (III), Ung Ching Leng (III), Wong Yuen Ying (III).

Yeo Tiong Seng (III), Chan Nyuk Lin (I), Chua Swee Kian (I), Ho Guan Lee (III).

Koh Siew Eng (I), Lim Mah Kiam (III), Normah binte Bakir (III), Toh Soh Leng (III).

SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI, BANDAR BRUNEI

Dk. Mariah binte P. Ahmad (II), Dk. Mariam binte P. Sapiuddin (III), Edna Chong Kui Hiong (I), Han Ai Lan (III), Hsieh binte Abu Zar (I).

Hasnah binte Ahmad (III), Ida Heather Keasbarry (III), Irene Evelyn Keasbarry (III), Lam Wai Chi (I), Lim Sok King (III).

Lim Sui Bee (I), Manjid Kaur (III), Mordiah bte. Mohammad (III),

Nipah binte Hussain (III), Norbiah binte Jaya (I).

Rosiah binte Sahari (I), Samsiah binte Abd. Latif (II) Siti Sara binte Hj. Md. Taha (I), Teo Moi Tiew (II).

Teo Fui Tin (I), Wu Belle (I), Zaleha binte Md. Hussain (III).

MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA

Abd. Hamid bin Abd. Rahman (III), Abd. Rahman bin Samad (I), Abu Bakar bin Md. Salleh (I), Ak. Md. Dani bin P. Idris (III).

Ak. Zainal Abidin bin P. Ahmad (III), Ak. Zainal bin P. Talib (I), Abd. Latif bin Abd. Ghafar (II), Antin bin Ahad (I).

Ariffin bin Safian (III), Asmad bin Hidup (III), Barahim bin Jumahat (II), Chong Chin Woh (I).

Chong Thien Choi (I), Ismail bin Harun (I), Kamis bin Angkai (I) Lim Thiam Hock (III).

Low Lim Foh (I), Lintong bin Ingar (III), Mohammad Aliddin bin Abd. Ghani (I), Mohd. Zain bin Omar (I).

Momin bin Razak (III), Ng Kiang Huat (I), Nordinkin bin Md. Daud (III), Othman bin Hasbullah (I).

Yap Way Thiam (I), Zainuddin bin Md. Noor (II), Zuniddi bin Abd. Rahman (III), Chua Swee Yong (Dayang) (I).

Mary Chong (I), Maradiah binte Md. Yusof (III), Mordiah binte Zakiah (I), Nancy Foo Nyuk Lan (I), Veera Vijaya Lakshmi Panch (I).

SEKOLAH ST. MICHAEL, SERIA

Chandru (I), Chin Kui Fah (III), Chong Ah Ling (I), Chow Yet Kin (I).

Michael Chua (I) Clark George (III), Alphonsus Joh (I), Han Swee Kwang (I).

Hee Shao Lim (I), Jolly Milfred (I), Francis Koh (III), Stephen Lai (I).

Lai Thean Yin (I), Stephen Lam (I), Leong Hin Wing (III), Leong Wai Heang (I), Lim Siang Yee (I).

Newbigging Caradoc (III), Ng Sang Fah (I), Rashid bin Ibrahim (I), Shan Shee Nang (I), Sim Hee Khoo (I).

Sim Siam Kwang (I), Sigham Thean (III), Song Swi Thin (I), Wai Leong Chew (I).

Wee Peng Hock (I), Wong Chen Kiong (I), Wong Choon Wah (I), Wong Hoo Kiong (I).

Wong Kok Ming (III), Yahya (III), Anthony Yapp (I), James Yee (I).

Yeo Meng Hee (I), Yong Chong Boon (III), George Yun (III), Zailani Daud (III).

SEKOLAH ST. MARGARET, SERIA

Ahmad Hassan (II), Chan Siew Hong (II), Chee Kheong Tong (III), Cheong Chee Kong (I).

Chok Nyuk Fah (I), Chong Fook Ling, David (III), Chu Choi Kong (I), Chu Koi Lian (III).

Chung Kek Yin (III), Fang Sin Choon (III), Harry Brodie (I), Ho Sze Leong (I).

Hon Fon Kiang (III), King Chiu Kong (I), Law Ngih Ang (III), Lee Thow Boon (III).

David Leong (I), Liang Boon Hiang (I), Liaw Chee Kiong (III), Liew Vui Khiong, Richard (I).

Lin Yin Shui (III), Lo Tun Siong (I), Lo Chee Onn (I), Lo Soo Cheng (III).

Loo Li Chong, Victor (I), Mathew Aiding Mergi (I), Md. Hussain bin Md. Zain (I), Ng Cheng Lung (III).

Ng Roney (I), Ngui Syn (I), Phang Soo Fook (I), Phang Soo Kong (I).

Shim Vui Fah (I), Sim Kim Chai, John (I), Umbu Ahmad (III), Yap Oi Cheng (III).

Yapp, William (I), Cheong Kui Pheng (III), Chia Yun Soon (I), Chin Oi Chin (I).

Chong Fatt Moi (III), Che Lee Yun (III), Chua Pek Hoon (I), Ho Siew Chin (III).

Kok Lee (I), Leong Ah Moi (I), Liang Yok Siong (I), Liu Pui Lin (I).

Ng Fong (I), Sim Kim Kim, Pauline (I), Wong Say Moi (III), Wong Pi Pi (I).

Wong Swee Eng (I), Wong Mui (III), Wong Ng Moi, Teresa (III), Yee Yuk Mei (III).

SEKOLAH ST. ANGELA CONVENT, SERIA

Buse Noel Maria (I), Chai Ying Fah (I), Chan Mary Siew Hong (I), Chang Anna Sai Chin (I).

Chang Winnie (I), Chee Alice (I), Chia Mary Nyuk Lee (III), Chia Nyuk Ping (I).

Chiang Mary Margaret (I), Chin Lily (I), Chow Wai Fong (I), Chow Wan Kiu (I).

Chua Liang Moi (I), Chu Yun Choo (I), Clement Betty (III), Good-enough Catherine Ivy (I).

Ho Magdaline Moi Yung (I), Koh Cecilia Kim Choo (I), Kong Lai Peng (I), Law Moi Kian (III).

Lee Josie Moi Kui (I), Leong Goo Siew (I), Leong Lucy Yun Leng (I), Li Vivian Shui Wan (I).

Liang Sai Ling (I), Lin Fong Eng (I), Lin Agnee Siew Yung (I), Low Margaret (I).

Pozan Jainab (I), Sodder Zilma Augusta (I), Soo Siew Hong (I), Sung Yeok How (I).

Tan Catherine Ah Moi (Lee) (I), Tan Jook Boi (I), Tan Soo Noi (I), Thong Florence May Lan (III), Ting Bernadette Lee Seng (Chen) (I).

Wong Agnes Chui Yin (I), Wong Rose Ngan Yin (I), Woo Sook Ho (I), Wijeratne Joyce Jeevaothi (I), Yeo Shok Huang (I).

Penuntut2 bersendirian yang telah lulus dalam Pepereksaan Bahasa Inggeris:

Chong Moi Noi, Foo Soo Yin, Lim Lian Hua, Lin Pit Chin, Soo Lai Moi, Toi Yueh Ngo, Wong Kim Lan, Wong Mei Ling.

Wong Nyuk Moi, Chen Shui Jeou, Han Lee Juan, Ho Hua Meng, Liew Then Kui, Peng Kek Seng, Thow Tah Chow, Wee Thiam Lai.

Yung Chong Loi, Yong Leong Chok, Md. Said bin Abu Bakar. Pengiran Tuah bin Pengiran Faji Chuchu, Lucy Chong Tung Lan.

Penuntut2 yang telah lulus dalam Pepereksaan Bahasa Melayu: Md. Yusof bin Daud dan Othman bin Awang Chik.

Penuntut yang telah lulus dalam Pepereksaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris: Naemah binte Zainal Abidin dan Teo Yong.

Penuntut yang telah lulus dalam Pepereksaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan: Helien Chio.

Penuntut2 yang telah lulus dalam Pepereksaan Bahasa Kebangsaan: Lional Keasbarry, Elizabeth Liew Soon Nyuk dan Ong Kit Ching.

Penuntut yang telah lulus dalam Pepereksaan Bahasa China: Wong Siew Ying.

Waktu² Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu² sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Februari hingga ka-hari Selasa 16 Februari, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Amsak	Suboh	Matahari Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
Bulan							
3	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
4	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
5	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
6	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
7	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
8	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
9	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.37	7.48
10	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.38	7.49
11	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.38	7.49
12	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.38	7.49
13	5.07	5.21	6.36	12.40	4.00	6.38	7.49
14	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49
15	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49
16	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PERTANDINGAN BACHA'AN AL-KUR'AN PERENGKAT2 KEBANGSAAN DAN ANTARA BANGSA BERJAYA

KUALA LUMPUR. — Hajjah Faridah binti Haji Mat Saman, berumur 18 tahun dari Kelantan dan Inche Ismail bin Haji Hashim berumur 30 tahun dari Kedah telah berjaya mendapat gelaran Johan dalam Pertandingan Bacha'an Al-Kur'an Perengkat Antara Bangsa yang telah di-langsungkan di-Kuala Lumpur pada malam 21, 22 dan 23 Januari, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia telah menyampaikan hadiah2 kepada Qari2 dan Qariah2 yang berjaya dan juga kepada Qari2 dan Qariah2 yang telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Bacha'an Al-Kur'an Perengkat Kebangsaan dan Perengkat Antara Bangsa pada malam 23 Januari, 1965.

Hajjah Faridah telah menjadi Johan Qariah dengan mendapat 96 markah, manakala Inche Ismail pula telah menjadi Johan Qari dengan mendapat 91 markah.

Hajjah Faridah binti Haji Mat Saman telah berjaya menjadi Johan dalam Pertandingan Bacha'an Al-Kur'an Perengkat Kebangsaan pada tahun ini dan Inche Ismail bin Haji Hashim juga telah berjaya menjadi Johan dalam Pertandingan Bacha'an Al-Kur'an Perengkat Kebangsaan pada tahun ini.

Qariah yang mendapat gelaran Naib Johan ia-lah Mek Fatimah binti Haji Abdullah dari Thai-

land dengan mendapat 77 markah dan Qariah yang mendapat gelaran ketiga ia-lah Siti Tom Asmah binti Haji Idris dari Kemboja dengan mendapat 70 markah.

Dalam Pertandingan Bacha'an Al-Kur'an, Bahagian Lelaki Naib Johan ia-lah Inche Saidir bin Abdul Rahman dari Malay-sai dengan mendapat 91 markah,

ia-itu sama markah seperti yang di-dapati oleh Inche Ismail bin Haji Hashim. Inche Ismail telah di-pilih menjadi Johan oleh kerana beliau mendapat markah yang lebih daripada Inche Saidir dalam bahagian lagu dan suara.

Qari yang mendapat gelaran yang ketiga ia-lah Inche-Wan Hussin Kalupa dari Thailand, dengan mendapat 81 markah.

Wakil2 dari 7 buah negara telah menyertai dalam Pertandingan Bacha'an Al-Kur'an Perengkat Antara Bangsa pada tahun ini, ia-itu Wakil2 dari Brunei, India, Pakistan, Kemboja, Ceylon, Thailand dan Malaysia.

TARIKH PEMBUKAAN MAKTAB2 DAN SEKOLAH2 SA-LEPAS CHUTI

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan di-buka samula sa-lepas chuti Penggal Akhir Tahun 1964 dan chuti Bulan Ramadhan dan Chuti Hari Raya pada hari Ahad 7 Februari, 1965.

Maktab Perguruan Melayu Brunei akan juga di-buka samula sa-lepas chuti tersebut pada hari Ahad 7 Februari, 1965.

Maktab2 dan Sekolah Inggeris Kerajaan, ia-itu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei; Maktab Anthony Abell, Seria dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei akan di-buka sa-mula sa-lepas chuti tersebut pada hari Isnin 8 Februari, 1965.

"MALAM ANIKA RIA"

SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Brunei dari Kolej Islam, Malaya yang pada masa ini berchuti di-Tanah Ayer dan Persatuan2 di-Daerah Brunei akan mempersembahkan "MALAM ANIKA RIA" sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam 8 Februari, 1965.

Persatuan2 itu ia-lah Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei; Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei; Persatuan Kampong Saba (PERKASA); Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei dan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 Ugama, Brunei.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan Sharahan, terbuka kepada badan2 dan persatuan2; Persembahan2 Membaca Sajak, Tarian2 Brunei Asli dan Moden; Persembahan Nyanian2 Brunei Asli dan Moden.

Selain dari itu, sa-buah derama sa-babak yang berjudul, "SENGKETA DI-AWAN MENDONG", juga akan di-persembahkan di-temasha tersebut.

Jadual Pelayaran Kapal2 Haji

BANDAR BRUNEI. —Jadual pelayaran kapal2 Haji dari Singapura ka-Jeddah ada-lah seperti di-bawah ini:

PELAYARAN PERTAMA: Kapal "Kuala Lumpur" Belayar dari Singapura pada 5 Februari. Belayar dari Port Swettenham pada 6 Februari. Belayar dari Pulau Pinang pada 7 Februari dan tiba di-Jeddah pada 21 Februari.

PELAYARAN KEDUA: Kapal "Anshun" — Belayar dari Singapura pada 8 Februari. Belayar dari Port Swettenham pada 9 Februari. Belayar dari Pulau Pinang pada 10 Februari dan tiba di-Jeddah pada 23 Februari.

PELAYARAN KETIGA: Kapal "Kuala Lumpur" — Belayar dari Singapura pada 13 Mach. Belayar dari Port Swettenham pada 14 Mach. Belayar dari Pulau Pinang pada 15 Mach dan tiba di-Jeddah pada 29 Mach.

136 BAKAL2 HAJI DARI BRUNEI KA-MEKAH PADA TAHUN INI

BANDAR BRUNEI. — Seramai 136 orang bakal2 jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei akan menunaikan fardhu Haji pada tahun ini.

Di-antara bakal2 Haji tersebut, 3 orang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan 7 orang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Seramai 53 orang Bakal2 Haji dari Negeri Brunei yang akan belayar ka-Jeddah dari Singapura dengan kapal Haji pelayaran yang pertama telah belayar dari Labuan ka-Singapura dengan kapal "Kimanis" pada 25 Januari, 1965.

Seramai 62 orang bakal2 Haji dari negeri ini yang akan belayar dari Singapura dengan kapal Haji

pelayaran yang kedua telah pun belayar dari Brunei terus ka-Singapura dengan kapal "Rajah Brooke" pada 29 Januari, 1965.

Jema'ah2 Haji yang lain dari Brunei yang akan belayar ka-Jeddah dari Singapura dengan kapal Haji pelayaran yang ketiga di-jangka akan belayar dari Brunei ka-Singapura melalui Labuan pada awal bulan Mach hadapan.



Beberapa orang Pega-wai2 dan anggota2 Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei telah melawat ka-Pusat Penchubaa Tanam2an, di-Kilanas baharu2 ini. Gambar ramai ini di-ambil di-hadapan bangunan Pejabat Pusat Penchubaa Tanam2an tersebut.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI: So'alan2 dan Jawapan2 Bertulis

(Sambongan Minggu Lalu)

1) UJIAN2 BAGI UJIAN2 KERA'AYATAN.

Ada-kah Kerajaan akan menubuhkan penubuhan sa-buah Lembaga Penyasat (Kalau boleh dari Jabatan Pelajaran) kerana ujian2 bahasa yang ada sekarang bagi mendapatkan kera'ayatan untuk menjamin agar satu darjah yang sama di-pakai di-seluruh negeri ini, dan juga untuk menjamin bahawa soal2 yang di-tanyakan ada-lah mengikut kegunaan bahasa yang di-pakai pada setiap hari dan bukan-nya dari segi persekolahan samata2, sabagai-mana yang nampak-nya berlaku pada masa ini? Bila-kah hal ini dapat di-laksanakan, oleh kerana sistem yang ada sekarang ini sebenar-nya beda membeza?

Kerajaan tidak berchadang untuk menubuhkan Lembaga tersebut. Soalan2 yang di-gunakan oleh Lembaga2 Bahasa untuk menguji pemohon2 untuk mendapat Taraf Kera'ayatan ada-lah sama di-tiap2 daerah negeri ini. Ada-lah di-perchayai bahawa tidak ada sistem beda membeza di-lakukan oleh Lembaga2 itu saperti yang di-da'awakan.

OLEH YANG BERHORMAT AWANG IBRAHIM BIN HAJI ISMAIL:

1) JALAN RAYA BANGAR/ UJONG JALAN

1) Ada-kah Kerajaan berchadang2 atau berchita2 untuk membuat hot mix ka-atas Jalan Raya Bangar/Ujong Jalan yang mana keadaan-nya sekarang ini sangat2-lah burok, dan jika ada bila-kah masa-nya di-selenggarakan?

Ya, ini sememang-nya dalam Rancangan Kerajaan dan pekerjaan di-harap akan dapat di-selenggarakan dalam tahun hadapan.

2) BAYARAN MENUREH GETAH

Benar-kah Kerajaan memungut bayaran2 (licence) menureh getah sa-banyak \$4.00 pada tiap2 sa-keping tanah dan jika benar ada-kah jumlah bayaran2 itu mengikut keluasan tanah?

Benar, Kerajaan mengenakan bayaran sa-jumlah \$4.00 pada tiap2 sa-bidang tanah kerana menureh getah tanaman bagi sa-tahun. Bayaran ini tidak-lah di-hadkan dengan keluasan tanah yang berkenaan.

OLEH YANG BERHORMAT AWANG ARIFF BIN MUJUN:

1) TREKTAR

Tidak-kah boleh Kerajaan mengadakan Trektar untuk meradu sawah padi serta meradu tanah untuk berchuchok tanam

bagi petani2 dalam negeri Brunei ini. Trektar yang di-maksud di-puhonkan kepada pehak Kerajaan mengandalkan-nya kepada petani2 dan peladang yang ingin berkehendakkan-nya ada-lah di-kenakan sewa sahaja. Supaya meluluskan perkembangan perusahaan menjadi banyak pengeluaran hasil barang2 makanan raayat di-negara Brunei.

Ini ada-lah di-dalam Rancangan Kerajaan tetapi pada peringkat pertama dengan jalan menyewakan trektor2 itu kepada petani2 menurut peratoran2 yang tertentu.

2) ASRAMA

Tidak-kah patut Kerajaan menyediakan Bangunan untuk murid2 Sekolah Melayu Tinggal "Asrama" untuk murid2 yang datang dari seluruh daerah bagi melanjutkan pelajaran mereka di-Sekolah Darjah Lanjutan menengah di-Bandar Brunei.

Perkara ini mustahak Kerajaan mengambil berat kerana memberi kemudahan kepada murid2 yang berkemahuan hendak belajar. Bagi meninggikan tarap kemajuan di-bidang pelajaran.

Rancangan pembangunan bagi 1965 termasuk pembenaan sa-buah Sekolah Menengah Melayu dan sa-buah Asrama bagi tempat tinggal penuntut2 luar-daerah juga termasuk di-dalam Rancangan itu.

3) PELAJARAN

Pihak Kerajaan sedia menyedari sa-bahagian perkembangan bidang pelajaran di-negeri Brunei yang tidak begitu memuas chabang dan chawangan2-nya.

Sa-patut-nya chawangan2 pelajaran hendak-lah di-tubuhkan, umpama-nya Sekolah Pertukangan Besi dan Kayu, Sekolah Pertanian dan perusahaan, pembinaan bangunan dan penubuhan2 Sekolah2 yang patut meninggikan bidang pelajaran.

Pengambilan kepada penuntut bagi memenohi peluang itu jangan-lah di-had2-kan memadai-lah memandang kechandongan murid2 dari sekolah2 rendah.

Dengan ada-nya penubuhan sekolah2 yang tersebut maka tidak-lah alang kepalang di-antara murid yang duduk di-sekolah yang tidak memperolehi menchapai kepada tingkatan tinggi pelajaran-nya.

Berkat ada-nya penubuhan2 yang di-maksudkan maka tidak-lah Lembaga Kerajaan Brunei berkehendakkan tenaga kaki tangan membentok membina pembinaan perusahaan dan sabagai dari ra'ayat luar negeri.

Dapat-kah perkara ini di-bena dan di-usaha oleh ra'ayat negeri ini sendiri yang telah terpelajar masing2 dengan kechenderongan-nya.

Pemerhatian yang di-buat di-sini sememang-nya di-hargai dengan penoh-nya oleh Kerajaan. Di-dalam Rancangan Pembangunan 1965, peruntukkan ada juga di-beri membenakan dua buah Sekolah Pertukangan dan sa-buah Sekolah Teknik. Pemilihan penuntut2 bagi memasokki sekolah2 ini akan di-buat mengikut kechenderongan penuntut2 itu.

4) HELIKOPTER

Boleh-kah pehak Kerajaan menyediakan Keindraan Kapal Terbang "HELIKOPTER" untuk keindraan di-Jabatan Perubatan? Untuk keselamatan seluruh ra'ayat di-luar bandar terutama di-bahagian ulu2 yang sukar mendapat keindraan sungai dan darat.

Walau pun tiap2 kampung telah pun ada Kelinek dan Bidan2 pada pertolongan pehak Kelinek dan Bidan2 tidak begitu di-harap pada sa-sa-orang yang telah terok keudzoran bagi perempuan yang bersalin memerlukan pembelahan dan tambahan darah.

Perkara yang sa-bagini mestilah berkehendakkan pertolongan Doktor dan tambahan darah, mendapatkan doktor dan darah ia-lah di-rumah2 sakit.

Malang sungguh si-sakit kadang2 membawa maut di-dalam perjalanan-nya makan masa empat jam atau lima jam disebabkan sukar perjalanan mengelakkan perkara merbahaya sapatut pehak kerajaan mengadakan sa-buah kapal terbang di-Jabatan Perubatan Brunei, Kerana keindraan yang sa-begini ada-lah sangat2 chepat memberi pertolongan untuk keselamatan ra'ayat keudzoran yang memerlukan pertolongan yang chepat.

Kerajaan bersetuju dengan pendapat ini dan perkara ini ada-lah di-dalam pertimbangan.

OLEH YANG BERHORMAT AWANG LANGKAH ANAK RANTAP:

ASRAMA DI-TEMBURONG

Benar-kah Kerajaan akan membangunkan sa-buah Asrama di-Temburong untuk murid2 dalam darjah VI dan VII. Jika benar, bila-kah Kerajaan akan melaksanakan-nya?

Benar, Asrama dan tambahan bangunan yang lain ada-lah termasuk di-dalam rancangan bagi Sekolah Melayu Bangar. Ada-lah di-harap bahawa kerja2 kerana rancangan ini akan dapat di-lakukan pada tahun 1965.

OLEH YANG BERHORMAT AWANG MOHD. TAIB BIN HAJI MOHD. SALLEH:

1) PERJANJIAN PENGELUARAN WANG

Apa-kah butir2 perjanjian pengeluaran wang di-antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan Malaysia (Sarawak, Sabah, Malaysia, dan Singapura)?

Perjanjian berkenaan pengeluaran wang yang ada pada masa ini ada-lah di-bentangkan di-dalam Undang2 Mata Wang No. 5 tahun 1960. Kerajaan Malaysia baru2 ini telah memberi notis untuk 18 bulan bagi menggantikan Lembaga Matawang sekarang ini.

2) WANG BRUNEI SENDIRI
Ada-kah Kerajaan Brunei berniat hendak mengeluarkan wang-nya sendiri atau akan tumpang kepada Kerajaan Malaysia sahaja?

Belum dapat di-nyatakan lagi sama ada atau tidak-nya Kerajaan Brunei akan mengeluarkan wang-nya sendiri kerana perkara tersebut sekarang ini sedang di-dalam perundingan dengan Kerajaan Malaysia.

3) PERPINDAHAN

Ada-kah Kerajaan akan terus memberi peluang bagi penduduk2 Kampung Ayer berpindah ka-darat di-bawah syarat2 perpindahan yang sedang di-jalankan pada masa ini?

Ya, Kerajaan akan terus memberi peluang bagi penduduk2 Kampung Ayer berpindah ka-darat di-bawah Syarat2 Perpindahan yang sedang di-jalankan pada masa ini.

4) BILA-KAH MASA-NYA....

Rancangan perpindahan Kampung Ayer ini sudah sekian tahun di-jalankan oleh Kerajaan, tetapi hingga sekarang hanya-lah sa-bahagian kecil sahaja penduduk2 Kampung Ayer yang di-beri peluang untuk berpindah sedangkan banyak lagi pemohon2 yang tidak di-layan oleh Kerajaan - bila-kah sa-benar-nya Kerajaan akan datang memindahkan orang2 ini lagi dan ada-kah perpindahan yang akan datang ini lagi akan di-jalankan saperti yang sudah2 ia-itu ibarat melepaskan batok di-kapala tangga, ya'ani jangan tidak senhaja?

Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada mereka2 yang berhajat, kalau mereka dapat memenohi syarat2 yang di-tentukan oleh Rancangan Perpindahan itu. Bagi pemohon2 yang belum berjaya ada-lah di-harap bahawa permohonan2 mereka akan dapat di-pertimbangkan di-dalam rancangan yang akan datang.

(BERSAMBONG)

D.Y.M.M. KA-LONDON (Dari Muka 1)

Negeri Brunei; Pegawai2 Kanan Kerajaan dan para pembesar Negara.

Para hadirin di-Lapangan Terbang Berakas telah menziarahi Baginda sa-belum Baginda menaik Kapal Terbang Angkatan Udara Di-Raja British menuju ka-Singapura dalam perjalanan ka-London.

Kemudian Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz telah membacakan Do'a Selamat di-turuti dengan Azan yang telah di-suarkan oleh sa-orang Pegawai Masjid.

Duli Yang Maha Mulia di-jangka balek ka-Brunei pada masa Hari Raya Aidil Fitri.

RANCHANGAN PERKEMBANGAN LIMA TAHUN

Bertujuan Mengukoh-Mengelok-Memajukan Kehidupan Penduduk2 Negara
(OLEH AWANG MOHAMED SALLEH KADIR)

Ranchangan Kemajuan atau Perkembangan lima tahun yang telah di-susun dalam tahun 1962 dengan tujuan hendak mengukoh, mengelok dan memajukan lagi kehidupan penduduk2 negeri, mengandungi 14 matalamat yang besar yang antara lain ia-lah sa-saorang, perhubungan baik antara buroh dengan majikan, peluang2 bekerja dan pelajaran yang chukup.

Perlaksanaan ranchangan itu di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$100,000,000.

Lain2 matalamat dalam ranchangan perkembangan itu ia-lah menghapuskan perbezaan antara kawasan2 dalam negeri, tingkat-an harga yang tetap, pembahagian pendapatan yang lebeh adil, perkhidmatan kesehatan kebangsaan, kemudahan2 berupa perkhidmatan awam, pembangunan masharakat, bekalan api, kemajuan seni, kebudayaan dan adat resam.

Ranchangan itu telah di-susun oleh Lembaga Perkembangan Negara sa-telah pakar2 mengkaji keadaan ekonomi negeri ini.

Apabila selesai di-laksanakan ranchangan perkembangan itu akan meninggikan taraf kehidupan ra'ayat dan ekonomi negeri. Ia-nya di-jangka menambah jumlah pengeluaran negeri sa-kurang2-nya 6% dan pendapatan sa-saorang bertambah sa-kurang2-nya 4% sa-tahun.

Dalam hal meranchangkan perkembangan masa depan negeri, pakar2 itu tidak dapat tidak telah mengambil tahu keadaan2 yang ada pada masa ini.

PEREKONOMIAN

Ini termasuk-lah ekonomi dan chorak perkembangan yang silam dalam berbagai2 lapangan saperti pengeluaran hasil mata benda, pertanian, perikanan, perniagaan dan lain2-nya.

Keadaan itu semua-nya di-analisa dan di-kupas. Pakar2 itu juga telah mengambil tahu hal2 mengenai penduduk2 negeri yang bekerja sa-bagai pengeluar dan pengguna hasil negeri.

PENDUDOK2

Mereka juga telah mengkaji segala butir2 yang mustahak mengenai penduduk2 negeri kerana dalam menhadangkan sa-suatu ranchangan perkembangan, perlu di-ketahui terlebih dahulu tentang bilangan penduduk, peratusan tambahan penduduk dari sa-tahun ka-sa-tahun, umur, jenis2 pekerjaan dan lain2-nya.

Kajian2 itu membuktikan bahawa bilangan penduduk bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun dan yang demikian memerlukan suatu ranchangan perkembangan yang sa-imbang dengan keperluan penduduk2 yang makin bertambah itu.

BAHAN2

Bahan2 yang di-keluarkan dari negeri ini masih banyak lagi

tetapi sejak beberapa tahun yang lalu telah berkurangan. Berikutan dengan berkurangan pengeluaran bahan2 itu pendapatan negara telah turut berkurangan.

Antara bahan2 atau pengeluaran negara, galian minyak dan gas atau wap asli mengambil tempat yang terpenting sunggoh pun pengeluaran-nya semenjak tahun 1958 telah beransor kurang.

Pengeluaran bahan2 itu perlu di-tambah supaya bertambah pula keluasan pasaran, perniagaan, perusahaan yang mungkin menggalakkan pergerakan ekonomi lain saperti sharikat2 kewangan dan berbagai2 perkhidmatan.

Penambahan hasil pengeluaran juga menggerakkan perkembangan penggunaan bekalan api atau tenaga elektrik, kenderaan, perhubungan, perkembangan pelajaran, perubatan dan kesehatan dan lain2 kemudahan masharakat.

PELAJARAN

Mengenai lapangan pelajaran kita hendak-lah ingat bahawa kekekalan kekayaan sa-suatu negeri sa-benar-nya bergantung pada kemahiran dan pelajaran yang chukup bagi anak2 negeri.

Pendapat ini belum dapat di-sesuaikan dengan negeri kita pada masa ini kerana sunggoh pun Brunei sa-buah negeri yang kaya, ia-nya masih dalam peringkat perkembangan yang memerlukan pakar2 dan pekerja2 yang banyak dari luar negeri untuk melaksanakan ranchangan2 perkembangan-nya.

Maka itu-lah sebab-nya satu dari matalamat2 yang penting dalam ranchangan perkembangan itu ia-lah perkembangan pelajaran supaya kekayaan negeri ini tidak di-salah gunakan oleh sebab kekurangan pelajaran.

Hasil kajian yang di-jalankan oleh pakar2 dalam Lembaga Perkembangan Negara itu ia-lah mereka berpendapat bahawa kadar tambahan pengeluaran negara yang sekarang telah beransor kurang itu hendak-lah di-ubah haluan-nya ka-araf jalan yang menjamin kechukupan dalam serba serbi-nya.

KEHIDUPAN RA'AYAT

Ini ia-lah kerana lain2 lapangan penghasilan negeri tidak begitu besar saperti galian minyak dan gas tetapi tidak kurang pen-

ting-nya dalam kehidupan ra'ayat. Lapangan2 perusahaan yang lain ia-lah pertanian, perikanan, perniagaan, kenderaan, pembinaan, perusahaan membuat barang2 dan lain2-nya.

Sunggoh pun perusahaan2 ini kecil tetapi menggunakan bilangan pekerja yang terbanyak kerana dalam penyata banchi penduduk yang di-selenggarakan dalam tahun 1960, 35 peratus dari orang2 yang bekerja di-dapati bekerja dalam lapangan pertanian, perikanan dan perhutanan.

Nasib orang2 yang bekerja dalam lapangan2 ini perlu di-baiki sunggoh pun jumlah pengeluaran mereka chuma 4.7 peratus sahaja dari jumlah pengeluaran negara.

HASIL

PENGELUARAN

Dalam pengalaman2 banyak negeri syarat pertama dan penting untuk meranchangkan perkembangan ekonomi dan perusahaan ia-lah penambahan hasil pengeluaran.

Dan dalam ekonomi saperti Brunei yang mengandungi banyak sa-kali bilangan orang2 yang bekerja dalam lapangan pertanian, perikanan dan perhutanan, tambahan hasil pengeluaran tiap2 pekerja itu ada-lah perlu dalam perkembangan ekonomi, perniagaan dan perusahaan.

Pengeluaran binatang ternakan, hendak-lah di-tambah mengikut angka ternakan yang di-bawa masuk ka-negeri ini dari negeri2 lain dan pengeluaran ikan juga perlu di-tambah sa-kurang2-nya 25% menjelang hujung tahun 1966.

Kita berharap pada negeri2 luar untuk mendapatkan bekalan makanan terutama-nya beras dari Siam.

LAPANGAN PERTANIAN

Dalam lapangan pertanian, ranchangan perkembangan itu mengeshorkan penambahan kawasan padi, menanam kopi, kelapa, kacang tanah, pisang, limau, sayor2an, tebu untuk di-jadikan gula, lada hitam dan lain2.

Tentang ternakan pula matalamat-nya ia-lah menambah pengeluaran ayam itek supaya penghasilan telur bertambah dan juga membiakkan ternakan kerbau lembu dan kambing.

Angka2 kemasokan kerbau lembu menunjukkan separoh dari kerbau lembu yang di-sembeleh di-negeri ini di-bawa masuk dari negeri luar.

KAWASAN GETAH

Kawasan getah di-negeri ini berjumlah 27,000 ekar tetapi menghasilkan getah lebeh kurang

2,000 tan sahaja sa-tahun atau bersamaan dengan 163 paun sa-ekar. Matalamat perkembangan mengenai perusahaan getah ia-lah meninggikan penghasilan dengan mengadakan ranchangan menanam sa-mula supaya hasil getah negeri ini meningkat kepada 21,000 tan sa-tahun.

Hutan2 negeri yang telah di-tebang oleh penduduk2 negeri yang mengamalkan perusahaan ladang akan di-tanam sa-mula dengan jenis kayu yang boleh mengeluarkan hasil yang lebeh chepat dan ada harga dan pasaran untuk kegunaan dalam negeri dan jualan ka-luar negeri.

GALIAN MINYAK

Berkenaan dengan galian minyak dan gas pula ranchangan perkembangan itu menggalakkan menerusi dasar2 kerajaan supaya di-adakan penyiasatan untuk menchari telaga2 dan kawasan2 minyak baru.

Tentang perniagaan kerajaan berusaha untuk mengadakan kemudahan2 berniaga dan dasar ini berkisar atas pembinaan sa-buah pelabuhan ayer dalam di-Muara supaya Brunei menjadi pusat untuk mengedarkan barang2 perdagangan.

LATEHAN PEKERJA2 TEMPATAN

Dalam lapangan pembinaan kerajaan memberi latehan kepada pekerja2 tempatan untuk mengantikan buroh2 yang maher yang di-masokkan dari luar negeri.

Kerajaan juga mengkaji peluang2 membangunkan perusahaan2 baru saperti baja, plastik dan barang2 kimia dari petrol dan perusahaan2 yang menggunakan pasir puteh yang pada masa ini terbiar di-kawasan antara Tutong dengan Telamba.

PEMBINAAN PUSAT2 ELEKTRIK

Bekalan api elektrik akan di-sampaikan ka-seluruh negeri dan usaha sedang di-jalankan untuk membina pusat2 elektrik di-beberapa tempat di-seluruh negeri.

Darjah kesehatan di-kawasan2 luar bandar akan di-tinggikan, penyakit malaria akan di-hapuskan dan usaha sedang di-jalankan untuk meninggikan kesehatan ra'ayat.

SEKOLAH2 BARU

Sekolah2 baru akan terus dibina di-mana juga di-dapati kanak2 yang memerlukan pelajaran.

Adat resam dan agama penduduk2 negeri ini akan di-hormati dan Kerajaan akan terus membina Masjid2 baru, membina khutub kharah dan musium untuk menampatkan rekod dan bekas2 yang merupakan adat resam Brunei.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG

AHLI BOMBA

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat dan mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan sebagai Ahli Bomba Pelateh dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

KELAYAKAN2:

Permulaan

(a) Umor — Di-antara 18 hingga 28 tahun;

(b) Tinggi — Sekurang2-nya lima kaki empat inchi;

(c) Dada — Sekurang2-nya tiga puluh empat inchi bila di-kempiskan ("deflated");

(d) Pelajaran — Sa-orang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu atau darjah yang serupa dalam Sekolah Inggeris atau lain2 Sekolah;

(e) Ujian—Sa-orang pemohon akan di-kehendaki lulus dugaan2 kekuatan.

Pemohon2 yang mempunyai lesen menjalankan Kerita Class V dan berpengetahuan tinggi menjalankan motor sangkut dan pandai membaiki kerosakan2 kecil bagi engine motor sangkut, selain daripada kelayakan2 yang di-kehendaki seperti yang tersebut di-atas, akan di-beri keutamaan.

KESEHATAN:

Sa-orang pemohon sepatut-nya tidak memakai kacha mata dan mesti-lah lulus peperiksaan doktor untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Bomba.

GAJI:

Mulai dari \$160/- sa-bulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan akan di-naikkan menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua (Second Class Fireman) dengan gaji \$184/- sa-

bulan dalam tingkatan gaji \$184x4—212.

PAKAIAN SERAGAM

Pakaian seragam dan kasut (boot) perchuma di-adakan.

ALOAN

Driver2 Ahli Bomba akan di-beri Aloan Pemandu Kereta sebanyak \$10/- sa-bulan tiap2 sa-orang.

TEMPAT KUMPULAN PENGAMBILAN:

Semua pemohon2 ada-lah di-minta hadir ka-tempat kumpulan pengambilan di-Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Bandar Brunei di-masa hari bekerja tiap2 hari mulai daripada 10 Februari, 1965 hingga 16 Februari, 1965 kechuali hari2 kelepasan untuk menghadapi dugaan2 kekuatan dan pemereksaan bagi kelayakan2 mereka.

Semua chalun2 hendak-lah membawa bersama mereka Sijil2 Beranak, Sijil2 pelajaran, 2 keping gambar (passport size) semasa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Borang2 permohonan tidak akan di-beri kepada chalun2 jika mereka tidak lulus kelayakan2 yang tersebut di-atas sechra permulaan.

Pemohon2 yang dahulu telah membuat permohonan untuk jawatan yang tersebut di-kehendaki memohonkan semula jika mereka layak mengikut syarat2 yang tersebut di-atas.

Pegawai Imigresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 lelaki yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi 2 jawatan kosong sebagai Pegawai Imigresen di-Pejabat Imigresen, Brunei.

KELAYAKAN2:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Form III Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(b) Pemohon2 mesti-lah berumur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$190x7—211—220x10—260—280—290x20—330/350—370—380x20—560.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui ketua Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 6 Februari, 1965.

Pemain Musik

Pancharagam Pulis Brunei

PASOKAN PANCHARAGAM PULIS NEGERI BRUNEI mempunyai kekosongan2 untuk di-penohi oleh pemuda2 yang mempunyai chita2 tinggi dan mempunyai minat dalam seni musik.

Sedikit pengetahuan mengenai seni musik ada-lah menjadi ke-

utamaan, tambahan kepada darjah persekolahan yang baik, serta sehat tuboh hadan.

Jawatan ini ada-lah satu jawatan yang baik dan mempunyai masa hadapan yang gemilang.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar kepada: - Pengarah Musik, Ibu Pejabat Pulis, Brunei.

Pemereksa Pertukaran Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Kerajaan dan berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemereksa Pertukaran Buroh di-Pejabat Buroh, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$211—220x10—260—280—290 x 20—370—380x20—560.

KELAYAKKAN2:

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakkan2 seperti berikut di-kehendaki memohon:—

(a) Pemohon2 mesti-lah ber-kelulusan Form II Sekolah Inggris dan Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengannya.

(b) Pemohon2 mesti-lah sudah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun dalam Pejabat2 Kerajaan.

(c) Pemohon2 mesti-lah mem-

punyai pengalaman berkenaan dengan hal-ehwal perburohan.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon itu bersama dengan satu salinan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Februari, 1965.

PEMANDU MOTOR SANGKUT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Pemandu Motor Sangkut di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei (2 jawatan kosong).

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 berikut sahaja akan di-pertimbangkan:—

(i) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut Pejabat Pos Laut selama 3 tahun dalam sebarang sungai di-Daerah Brunei dan Muara.

(ii) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sedikit pengetahuan mengenai jentera motor sangkut dan boleh menjalankan pembaikan kecil.

GAJI: Dalam sukatan gaji F.2—3—4—5—6 \$152x3—158—160—180x4—200.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 10 Februari, 1965.

Lumba Basikal Sa-chara Pantai

BANDAR BRUNEI.—Lumba Basikal sa-chara pantai di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, sebagai menyambut pembukaan rasmi bangunan baharu Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan di-adakan pada 28 Februari, 1965.


Perlumbaan tersebut, telah di-jadual hendak di-langsungkan pada 29 Disember, 1964. Akan tetapi oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka tarikh perlumbaan tersebut di-pinda ka-tarikh yang baharu pula.

Peserta2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut di-minta membuat perhubungan dengan Setia Usaha Perlumbaan Basikal tersebut, Chegu Abdul Rahman bin Md. Yusuf, d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei sa-belum 15 Februari, 1965.

SELAMAT BELAYAR MENUNAIKAN FARDHU HAJI



Beratus2 orang Umat Islam telah membanjiri Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 23 Januari, 1965 untuk meng-ucapkan "Selamat Belayar ka-Mekah" kepada bakal2 Haji dari Negeri Brunei. GAMBAR ATAS (KIRI) Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah, Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz kelihatan melafadzkan ucapan sa-belum kapal "Sultan" yang membawa bakal2 Haji dari Brunei belayar ka-Labuan pada pagi hari tersebut. GAMBAR ATAS (KANAN): Awang Noordin bin Dato Ratna Haji Mohamed Ja'afar kelihatan dalam gambar ini meng-ucapkan "Selamat Belayar ka-Mekah" kepada Pengiran Ahmad bin Pengiran Mohamed Daud (kiri), sa-orang anggota Jabatan Elektrik, Brunei, yang telah belayar ka-Tanah Suchi dengan kapal Haji pelayaran pertama.



Satu majlis sambutan Nuzul Al-Kur'an telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 21 Januari, 1965, di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Timbalan Kadzi Besar, Negeri Brunei Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin telah melafadzkan satu ucapan khas di-majlis tersebut. Di-antara achara2 yang telah di-adakan di-majlis itu ia-lah Bachaan Al-Kur'an; Persembahan sa-buah derama ber-jodol "Di-bawah Sinaran Suchi"; Nashid oleh kanak2 perempuan di-bawah pimpinan Al-Ustaz Abdul Kadir Awang; Persembahan Membacha Sajak dan lain2 achara. Gambar ini di-ambil ketika di-adakan pe-sembahan derama, "Di-bawah Sinaran Suchi".



Beberapa orang Pengakap2 Sekolah Melayu Tanah Jambu, Brunei, di-bawah pimpinan Guru Pengakap Chegu Harun bin Abdul Samad telah melawat ka-Labuan, Sabah, Malaysia dengan kapal "Sultan" baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan rombongan tersebut semasa ber-ada di-Tambatan Kastam, Labuan.

MENINGGAL DUNIA



SIR WINSTON CHURCHILL

Bekas Perdana Menteri British, Sir Winston Churchill, sa-orang negarawan yang mashhor dan yang telah berjasa kapada negara-nya, terutama sekali pada masa Peperangan Dunia Kedua, telah meninggal dunia ketika berusia 90 tahun di-rumah beliau di-Hyde Park Gate, London pada pukul 8 pagi Waktu Greenwich (4 petang Waktu Borneo), hari Ahad 24 Januari, 1965. Dengan perintah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan dengan persetujuan Dewan Orang Ramai, mayat Sir Winston Churchill telah di-berikan Kehormatan Negara sa-lama tiga hari di-Dewan Westminster mulai pada hari Rabu 27 Januari. Upachara akhir untuk mengkebumikan mendiang Sir Winston Churchill telah di-adakan di-Gereja Besar Saint Paul pada hari Sabtu 30 Januari.

CHATETAN: Hanya mayat dua orang sahaja bekas Perdana Menteri British telah di-berikan Kehormatan Negara, sa-bagaimana yang di-berikan kapada mendiang Sir Winston Churchill. Mereka ia-lah Duke of Wellington dalam tahun 1852 dan Awang Willian Ewart Gladstone dalam tahun 1898.

PILEHAN RAYA MAJLIS2 MASHUARAT NEGERI DAN DAERAH

BANDAR BRUNEI. — Pilehan2 Raya bagi Majlis Mashuarat Negeri dan Majlis2 Mashuarat Daerah akan di-adakan di-Negeri Brunei dalam bulan Mach tahun ini.

Penamaan chalun2 ka-Majlis Mashuarat Negeri dan Majlis2 Mashuarat Daerah akan tutup pada 18 Februari.

Hari Mengundi bagi Majlis2 Mashuarat Daerah ia-lah 18 Mach dan Hari Mengundi bagi Majlis Mashuarat Negeri ia-lah 20 Mach.

Sebanyak 10 kerusi akan di-adakan dalam Majlis Mashuarat Negeri, ia-itu 4 kerusi bagi Daerah Brunei/Muara; 2 kerusi bagi Daerah Tutong; 3 kerusi bagi Daerah Belait dan 1 kerusi bagi Daerah Temburong.

Sebanyak 55 kerusi akan di-adakan dalam Majlis2 Mashuarat Daerah, ia-itu sebanyak 24 kerusi bagi Daerah Brunei/Muara; 12 kerusi bagi Daerah Tutong; 12 kerusi bagi Daerah Belait dan 7 kerusi bagi Daerah Temburong.

Seramai 19,142 orang pengundi dari seluruh Negeri Brunei telah pun mendaftarkan nama. Pengundi2 yang banyak sekali ia-lah dari Daerah Brunei/Muara, ia-itu sebanyak 11,902 orang; Tutong sebanyak 4,044 orang; Belait sebanyak 2,355 orang dan Temburong sebanyak 841 orang.

M.M.N. DI-BUBARKAN

Sementara itu Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah di-bubarkan pada 30 Januari, 1965.

260 ORANG PENUNTUT2 BRUNEI LULUS PEPEREKSaan S.P.R.

BANDAR BRUNEI.—Seramai 260 orang penuntut2 sekolah di-Negeri Brunei telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah yang telah di-adakan dalam tahun 1964.

Seramai 151 orang penuntut2 telah mendapat Pangkat Pertama, 15 orang penuntut2 telah mendapat Pangkat Kedua dan 94 orang penuntut2 telah mendapat Pangkat Ketiga.

Sekolah yang terbaik sekali dalam peperiksaan tersebut ia-lah Sekolah Saint Angela Convent, Seria.

Dalam peperiksaan itu, seramai 38 orang penuntut2 sekolah tersebut telah lulus dengan mendapat Pangkat Pertama dan hanya 4 orang penuntut2 sahaja telah mendapat Pangkat Ketiga. Jumlah 42 orang.

Keputusan Peperiksaan tersebut dari lain2 sekolah ada-lah seperti berikut:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei: Pangkat Pertama 15 orang. Pangkat Kedua 7 orang dan Pangkat Ketiga 23 orang. Jumlah 45 orang.

Sekolah Saint Andrews, Bandar Brunei: Pangkat Pertama 11

Y.T.M. DULI PENGIRAN BENDAHARA MERASMIKAN PEMBUKAAN BANK KEBANGSAAN BERHAD

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim ibni Al-Marhum Pengiran Anak Abdul Rahman telah merasmikan pembukaan Ibu Pejabat Bank Kebangsaan Berhad, Brunei di-Bangunan Guru2 Melayu Brunei di-Jalan Kianggeh, Bandar Brunei pada malam 27 Januari, 1965.

Terdahulu dari itu satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Pengerusi, Lembaga Pengarah Bank Kebangsaan Berhad, Brunei Yang Di-Mulia-kan Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Ramai para jemputan telah hadir di-majlis tersebut. Di-antara-nya ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Pegawai2 Kanan Kerajaan; Para pembesar negara dan lain2-nya

orang. Pangkat Kedua sa-orang dan Pangkat Ketiga 12 orang. Jumlah 24 orang.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei: Pangkat Pertama 9 orang. Pangkat Kedua 2 orang. Pangkat Ketiga 11 orang. Jumlah 22 orang.

Maktab Anthony Abell, Seria: Pangkat Pertama 19 orang. Pangkat Kedua 3 orang dan Pangkat Ketiga 11 orang. Jumlah 33 orang.

Sekolah Saint Michael, Seria: Pangkat Pertama 27 orang dan Pangkat Ketiga 11 orang. Jumlah 38 orang.

Sekolah Saint Margaret, Seria: Pangkat Pertama 32 orang. Pangkat Kedua 2 orang dan Pangkat Ketiga 22 orang. Jumlah 56 orang.

Keputusan penoh peperiksaan tersebut ada-lah di-siarkan di-muka 2.

RENGKASAN BERITA

PEMANGKU S.U.K.

BANDAR BRUNEI. — Awang Mohamed Taib bin Awang Besar. Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei telah di-lantik memangku jawatan sebagai Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Brunei pada masa Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim berchuti.

PEMANGKU P.D. TUTONG

TUTONG. — Awang Johari bin Abdul Razak, Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara telah di-lantik memangku jawatan sebagai Pemangku Pegawai Daerah Tutong pada masa Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan berchuti dan menunaikan fardhu Haji.

MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Awang Geoffrey Seymour, Penaja Latehan Pegawai2 British Broadcasting Corporation bagi kawasan Seberang Laut telah melawat ka-Negeri Brunei pada 27 dan 28 Januari, 1965.

Semasa lawatan tersebut Awang Seymour telah melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei serta berjumpa dengan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei Yang Berhormat Awang G. V. de Freitas dan beberapa orang Pegawai2 Jabatan tersebut.

PERJUMPAAN BELIA

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN.—Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan telah mengadakan satu majlis perjumpaan baharu2 ini bertempat di-rumah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Awang Haji Mohamed Taha. Satu sharahan berkenaan dengan hal ehwal yang bersangkutan paut dengan Pergerakan Belia telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Setia Usaha Majlis Belia Negeri Brunei, Awang Yahya bin Mohamed Yusof. Sa-lepas itu kebanyakan daripada para hadirin telah mengemukakan berbagai2 so'al-an mengenai Pergerakan Belia kepada beliau dan beliau telah menjawab segala so'alan2 itu.

BERLATEH DI-U.K.

BERAKAS. — Inspector Abu Zar bin Abu Bakar dari Pasokan Pulis, Brunei telah berangkat ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada 25 Januari, 1965 untuk berlateh di-Maktab Latehan Pulis, Hendon, London selama 6 bulan.

SAMBUTAN NUZUL AL-KUR'AN

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis Sambutan Nuzul Al-Kur'an dibawah anjuran Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 Agama, Brunei telah di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 24 Januari, 1965.

Timbalan Kadzi Besar, Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin telah merasmikan pembukaan majlis sambutan tersebut. Di-antara achara2 yang telah di-langsungkan di-majlis itu ia-lah Peraduan Sharahan antara Persatuan2 tempatan dan lain2-nya. Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya.

SEMBAHYANG RAYA

BANDAR BRUNEI. — Sembahyang Raya Aidil Fitri di-Mesjid2 di-seluruh Negeri Brunei pada tahun ini sebagai-mana yang telah di-tetapkan oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei ia-lah pada pukul 8 pagi.

BAYARAN FITRAH

BANDAR BRUNEI. — Bayaran Fitrah yang di-wajibkan bagi tiap2 umat Islam di-Negeri Brunei pada tahun ini ia-lah \$1.18½ sen. Demikian menurut satu berita rasmi dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BALEK DARI AUSTRALIA

BERAKAS. — Rombongan Pengakap2 dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Australia dalam bulan Disember yang lalu untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Australia baharu2 ini.

BALEK DARI U.K.

LONDON. — Inspector Mustapha bin Ahmad dari Pasokan Pulis Brunei telah tamat berlateh di-Maktab Latehan Pulis, Hendon, London selama 6 bulan. Beliau akan balek ka-Brunei dengan kapal terbang dan di-jangka tiba di-Brunei pada 6 Februari, 1965.

PENASEHAT PILEHAN RAYA

BANDAR BRUNEI. — Penasehat Pilehan Raya Negeri Brunei, Awang R.A. Wilkinson di-jangka akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari United Kingdom pada hari Sabtu 6 Februari, 1965.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei bagi Tahun 1965 akan di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 6 Februari, 1965, dan pada malam 7 Februari pula, Radio Brunei Bahagian Melayu akan mempersembahkan temasha Serbanika Aidil Fitri bertempat di-pentas Pertandingan Bintang Radio.

PERTANDINGAN "BINTANG HARI RAYA"

KAMPONG PANDAI BESI. — Penduduk2 Kampong Pandai BESI "B", Kampong Ayer, Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mengadakan satu majlis Perjumpaan Hari Raya dan "Malam Anika Warna" mengandungi Pertandingan "Bintang Hari Raya" dan lain2-nya pada 3 Februari, 1965.

Majlis Perjumpaan Hari Raya Aidil Fitri akan di-adakan pada hari Rabu 3 Februari mulai pada pukul 9.30 pagi bertempat di-Sekolah Dewasa Melayu dan Ugama, Kampong Pandai BESI "B".

Di-antara achara2 pertunjukan di-majlis tersebut ia-lah Pertunjukan Kueh2 untuk galakan kepada Kaum Ibu dan Kaum Wanita supaya mereka maju dalam ilmu masak2an.

Pada sa-belah malam hari tersebut pula, penduduk2 Kampong tersebut akan mempersembahkan "Malam Anika Warna" di-sekolah tersebut mulai pada pukul 7.30 malam.